



# DASAR PERPADUAN NEGARA

## Asas Membentuk Identiti Nasional

DALAM tempoh kurang setahun, Kementerian Perpaduan Negara berjaya menggubal Dasar Perpaduan Negara yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, pada akhir Februari lalu.

**S**ememangnya tempoh itu sesuatu yang mencabar kerana kementerian perlu menyediakan dasar dalam jangka masa yang singkat, tetapi menyeluruh dan dapat diterima oleh semua pihak. Pada akhirnya, usaha itu menjadi kenyataan.

Perpaduan sememangnya istilah yang selalu menjadi perhatian rakyat di semua peringkat sejak awal kemerdekaan negara. Hal ini menjadi lebih penting susulan tragedi hitam 13 Mei 1969 yang memberikan pengajaran besar untuk kita semua. Oleh itu, perjalanan sepanjang lima dekad lalu mewujudkan desakan untuk memperdalam lagi kepentingan bagi melahirkan masyarakat yang bersatu padu

dan yang menitikberatkan integrasi dalam kalangan rakyat pelbagai kaum dan etnik.

Sebagaimana yang disebutkan oleh Perdana Menteri dalam ucapan pelancaran Dasar Perpaduan Negara, dokumen tersebut adalah berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Penggubalan Dasar Perpaduan Negara adalah selaras dengan dasar utama negara, antaranya Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 dan Rancangan Malaysia Lima Tahun. Dalam hal ini, menurut beliau: “Rakyat Malaysia sejak sekian lama berpegang pada Rukun Negara. Kita percaya kepada Tuhan, kita setia kepada raja dan negara, kita junjung keluhuran perlembagaan, kita hormati kedaulatan

undang-undang dan kita sentiasa bersopan dan bertatasusila dalam pergaulan kita seharian. Tidak kiralah sama ada Melayu, Cina, India, Kadazan, Dusun, Iban, Murut, Melanau, orang asal atau mana-mana etnik sekalipun, bergelar warganegara Malaysia, maka inilah ciri yang wajib kita hayati.”

“Kerajaan amat menyedari akan hakikat bahawa perpaduan ialah tunjang kemakmuran negara. Maka, perpaduan dalam kepelbagaian yang berteraskan ‘model integrasi’ inilah yang kita hasratkan untuk rakyat Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana berdasarkan sejarah, kita rakyat Malaysia telah menerima hakikat bahawa masyarakat di negara ini bersifat majmuk dan mempunyai pelbagai latar

belakang pegangan agama, pengenalan bangsa dan budaya. Oleh sebab perbezaan dan kepelbagaian ini, maka usaha ke arah mewujudkan perpaduan di negara ini perlu dilengkapi dan dilandasi usaha integrasi yang berterusan,” ujar Perdana Menteri.

Dasar Perpaduan Negara yang berteraskan konsep perpaduan dalam kepelbagaian menetapkan strategi jangka panjang yang menggariskan usaha yang berterusan untuk memupuk, memperkukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat. Tiga objektif utama yang ditetapkan dalam dasar ini termasuklah memperkukuh perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara; membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling menghormati dan bertanggungjawab; serta melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan.

Bagi memastikan objektif ini tercapai, sokongan padu dan kerjasama penuh semua pihak, terutamanya ejen penggerak perpaduan yang terdiri daripada pertubuhan bukan kerajaan, pihak swasta dan pemegang taruh yang berkaitan sangat penting. Dasar Perpaduan Negara merupakan dokumen kita bersama-sama. Kita semua ialah ejen perpaduan dan integrasi nasional. Kita yang akan membawa aspirasi ini ke hadapan.

Selaras dengan harapan Perdana Menteri, maka kita perlu memainkan peranan untuk menggerakkan seluruh kekuatan dan kudrat untuk terus menyebarkan semangat perpaduan dalam keadaan yang amat mencabar pada masa ini.

Memetik Dasar Perpaduan Negara yang telah dirangka, secara umumnya terdapat isu dan cabaran yang sering berlegar dalam masyarakat tetapi dikaitkan sebagai masalah perpaduan dalam konteks yang kurang tepat. Melalui beberapa sesi konsultasi yang menyeluruh yang dijalankan oleh pasukan penggubal dasar ini, malah saya juga turut terlibat, pelbagai isu dan cabaran dibangkitkan oleh rakyat Malaysia. Hal ini dapat dikategorikan kepada 10 perkara, iaitu

etnisiti, agama, kelas sosial, pendidikan, bahasa, jurang generasi, gender, politik federalisme, ruang bandar-desa dan media.

Umumnya, Dasar Perpaduan Negara bersandarkan kepada tiga teras, iaitu patriotisme dan demokrasi, identiti nasional dan ekosistem perpaduan. Teras yang pertama terdiri daripada tiga strategi, yakni meningkatkan literasi, pemahaman dan penghayatan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas amalan hidup, meningkatkan pemahaman dan penghayatan sejarah Malaysia dan memperkukuh integrasi nasional; strategi teras kedua adalah untuk memperkukuh peranan bahasa sebagai medium integrasi perpaduan, memperkukuh kefahaman agama, budaya dan adat resam pelbagai etnik dan membentuk masyarakat berkeperibadian tinggi, berintegriti dan berakhlak mulia; teras yang ketiga ialah usaha untuk memantapkan keberkesanan komunikasi bagi meningkatkan kesedaran sosial dalam masyarakat, mengekalkan, membina dan memperkukuh tapak integrasi perpaduan, memperkasakan jentera perpaduan melalui kerjasama strategik, memantapkan dan memperkasakan institusi keluarga dan komunikasi, meningkatkan penguatkuasaan undang-undang serta keberkesanan mekanisme pemantauan dan memperkukuh peranan pemimpin sebagai pemangkin perpaduan.

Objektif, teras dan strategi yang terkandung dalam dokumen ini mempunyai pengertian tersendiri untuk melihat satu adunan perpaduan yang unik dalam kalangan rakyat Malaysia. Rakyat pelbagai lapisan perlu memainkan peranan masing-masing dalam menjayakan dan merealisasikan objektif Dasar Perpaduan Negara dalam setiap tindakan, peringkat dan kapasiti masing-masing.

Meskipun aspek mengenai perpaduan selalu diperkatakan, tetapi hal ini tidak pernah menjadi isu utama dalam agenda rakyat. Oleh itu, kita perlu mengubah keadaan ini. Perpaduan perlu menjadi dan dijadikan agenda utama dalam

setiap tindakan kita. Dalam amalan dan pengukuhan perpaduan, kesemua individu adalah sama. Sumbangan setiap individu adalah penting dan tidak mengira taraf sosioekonomi mana-mana individu. Setiap peranan dan tindakan kemungkinan kelihatan kecil, tetapi bakal membawa perubahan yang besar dalam jangka panjang.

Maka, usaha merealisasikan apa-apa yang termaktub dalam Dasar Perpaduan Negara perlu dimulakan dari sekarang. Tempoh yang ditetapkan untuk mencapai dan melihat sasaran dasar ini berjaya amat penting. Kita boleh melakukan sekiranya setiap daripada kita melihat kepentingan perpaduan yang berkekalan sepanjang masa. Pelaburan dalam usaha memupuk perpaduan dan integrasi nasional tidak akan membawa kepada kerugian. Sebaliknya, bakal membawa pulangan yang amat bernilai dan memanfaatkan setiap rakyat – juga asas kepada kestabilan negara. Oleh itu, menjadi harapan semua pihak agar pada penghujung dekad ini, kita tidak lagi bercakap mengenai defisit perpaduan. Kita tidak perlu menyalahkan sesiapa. Masa untuk menjadikan defisit perpaduan sebagai polemik dan isu sudah pun berakhir dengan pelancaran Dasar Perpaduan.

Malah, sudah banyak detik mencabar yang terpaksa dilalui oleh rakyat sejak belakangan ini, iaitu semenjak negara dihimpit pandemik COVID-19. Begitu pun, rakyat pelbagai agama dan kaum di seluruh negara, dari Perlis hingga ke Sabah telah memperlihatkan semangat perpaduan dalam pelbagai bentuk. Secara langsung, hal ini menunjukkan bahawa perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia masih utuh. Cuma kita perlu memastikannya dapat terus diperkukuh supaya perpaduan tersebut tidak luntur disebabkan oleh tindakan, sikap negatif dan tingkah laku beberapa pihak yang tidak bertanggungjawab. □

Dato' Seri Dr. Irmohizam Ibrahim ialah Pengarah Eksekutif World Trade Centre Kuala Lumpur dan Ahli Panel Pemikir Kementerian Perpaduan Negara.